



Rujukan : UKM HTM. 3/224/2/4
Tarikh : 8 April 2026

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 5/2026

Ketua/ Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,


**PEMAKLUMAN SEMULA BERKAITAN PERATURAN KHAS BAGI PEMBUKAAN AKAUN BANK
DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)**

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Merujuk kepada Surat Edaran Bendahari Bil. 4/2025 bertarikh 27 Januari 2025 dan Pekeliling Bendahari Bil. 10/2009 bertarikh 07 Ogos 2009, adalah diingatkan bahawa semua entiti di bawah HCTM tidak dibenarkan membuka akaun bank tanpa kebenaran pihak Jabatan Kewangan terlebih dahulu. Sekiranya terdapat keperluan untuk membuka akaun bank, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan beserta justifikasi bagi menyokong pembukaan akaun bank tersebut.

3. Berdasarkan kepada penguatkuasaan dan pemantauan Jabatan Kewangan masih terdapat Pusat Tanggungjawab (PTj) yang mengendalikan hasil dan perbelanjaan menerusi wang yang diakaunkan ke dalam bank secara tidak sah tanpa kelulusan secara bertulis daripada Jabatan Kewangan. Keadaan ini menjurus kepada berlakunya ketidakpatuhan peraturan kewangan dan aktiviti di luar kawalan seperti penjana yang menggunakan perkhidmatan pihak ketiga, aktiviti pelaburan saham yang berisiko tinggi, penggunaan perisian/ peranti yang mengancam keselamatan, kecurigaan dalam kalangan PTj lain, kelalaian kakitangan terhadap rutin dan tanggungjawab utama serta pelbagai lagi risiko lain. Namun begitu, PTj masih digalakkan menjana pendapatan bagi merencanakan aktiviti hospital tertakluk kepada peraturan HCTM yang berkuatkuasa.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kewangan mengingatkan penguatkuasaan peraturan khas ini agar semua PTj mematuhi peraturan yang digariskan. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Edaran Bendahari Bil. 4/2025 bertarikh 27 Januari 2025 dan Pekeliling Bendahari Bil. 10/2009 bertarikh 07 Ogos 2009 untuk rujukan YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01547



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01547




UNIT DASAR DAN PENGUATKUASAAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar TunRazak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 6488/ 6972/ 5189/ 6489 E-mail: unitdasarjkew@hctm.ukm.edu.my Laman Web: www.hctm.ukm.my/kewangan

Sukacita YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan. Sekian, kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

“Cekap, Pantas, Mesra”

Yang benar,



SURAYA BINTI ABDUL HAMID C.A (M)

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k. - **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



UNIT DASAR DAN PENGUATKUASAAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar TunRazak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 6488/ 6972/ 5189/ 6489 E-mail: unitdasarjkew@hctm.ukm.edu.my Laman Web: www.hctm.ukm.my//kewangan

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my